



## Agama itu nasihat

Daripada Tamīm al-Dārī عنه رضي الله عنه bahawa Nabi ﷺ bersabda: "Agama itu nasihat" Kami bertanya: "Untuk siapa?" Baginda menjawab: "Untuk Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya, para pemimpin umat Islam dan seluruh kaum Muslimin."

[صحيح] [رواه مسلم]

Nabi ﷺ mengkhabarkan bahawa agama ini berdiri di atas keikhlasan dan kebenaran, sehingga ia ditunaikan sebagaimana yang diwajibkan oleh Allah dengan sempurna tanpa sebarang kecuaiian atau penipuan. Lalu ditanya kepada Nabi ﷺ: "Untuk siapa nasihat itu?" Lalu Baginda bersabda: Pertama: Nasihat untuk Allah سبحانه وتعالى iaitu dengan mengikhhlaskan segala amalan hanya untuk-Nya, tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu pun, beriman dengan keesaan-Nya dalam rububiyah dan uluhiyyah-Nya, serta dengan nama-nama dan sifat-sifat-Nya. Begitu juga dengan mengagungkan perintah-Nya dan menyeru manusia supaya beriman kepada-Nya. Kedua: Nasihat untuk kitab-Nya iaitu al-Quran al-Karim dengan meyakini bahawa ia merupakan kalam-Nya dan kitab terakhir-Nya, serta ia menghapuskan semua syariat sebelumnya. Kita mestilah mengagungkannya, membacanya dengan bacaan yang benar, mengamalkan ayat-ayat yang jelas hukumnya, menerima ayat-ayat yang samar maknanya, mempertahankannya daripada takwilan golongan yang menyeleweng, mengambil pengajaran daripada peringatan-peringatannya, menyebarkan ilmunya dan mengajak manusia kepadanya. Ketiga: Nasihat untuk Rasul-Nya Muhammad ﷺ dengan meyakini bahawa baginda adalah penutup para rasul, membenarkan apa yang baginda bawa, mentaati perintahnya, menjauhi larangannya, tidak beribadah kepada Allah kecuali dengan apa yang disyariatkannya, mengagungkan haknya, memuliakannya, menyebarkan dakwahnya, menyebarkan syariatnya serta menolak segala tuduhan terhadapnya. Keempat: Nasihat untuk para pemimpin umat Islam dengan membantu mereka menegakkan kebenaran, tidak merampas kuasa daripada mereka, mendengar dan taat kepada mereka dalam perkara ketaatan kepada Allah. Kelima: Nasihat untuk seluruh kaum Muslimin Dengan berbuat baik kepada mereka, mengajak mereka kepada kebaikan, menahan diri daripada menyakiti mereka, mengasihi mereka dengan menginginkan kebaikan untuk mereka, serta bekerjasama dengan mereka dalam perkara kebaikan dan ketakwaan.

النجاة الخيرية  
ALNAJAT CHARITY

